

## 1. CCCC nafi dakwaan Sarawak Report berkaitan 1MDB

KUALA LUMPUR: China Communications Construction Company (CCCC) menafikan pembabitan dalam plot yang didakwa menutup skandal rasuah berbilion dolar yang dikaitkan dengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan menaikkan nilai kontrak kereta api.

Dakwaan ke atas CCCC, pemilik baharu kumpulan kejuruteraan Australia John Holland itu diterbitkan Sarawak Report yang berpangkalan di London minggu lalu dan kemudiannya diulang siar oleh media Asia.

Dalam kenyataan kepada The Australian, CCCC memberitahu pihak mereka tidak mengetahui dakwaan terkandung dalam artikel Sarawak Report.

"Kami akan terus mengikuti perkembangan tuduhan palsu dibuat media tertentu dan akan mengambil langkah perlu untuk mempertahankan hak kami yang sah," menurut CCCC.

The Australian melaporkan, dakwaan Sarawak Report terhadap syarikat induk John Holland menyaksikan tiga syarikat besar milik rakyat Australia ditarik ke dalam skandal 1MDB, yang mana pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) mendakwa sekurang-kurangnya AS\$3.5 bilion (RM14.11 bilion) dicuri daripada dana berkenaan.

Dua lagi syarikat ialah ANZ yang memiliki satu perempat daripada AmBank Malaysia, yang mana bayaran rasuah didakwa berakhir ke akaun bank Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, manakala LendLease iaitu pemaju utama projek Tun Razak Exchange dikatakan tidak jelas dalam isu pembiayaan berikutnya kecurian dana.

Laporan The Australian itu turut menyebut ANZ dan LendLease belum dituduh melakukan sebarang kesalahan, manakala Najib berulang kali menafikan sebarang salah laku.

The Australian turut memetik dakwaan Sarawak Report bahawa Kerajaan Malaysia merancang menggandakan kos Projek Rel Pantai Timur RM30 bilion kepada RM60 bilion.

Sebuah syarikat yang dinamakan CCCC kemudiannya dijangka mengambil alih hutang 1MDB sebanyak AS\$5.6 bilion (RM22.57 bilion) sebagai balasan bagi aset yang dipegang buku dana pada jumlah sama seperti didakwa Sarawak Report.

"Berapa banyak aset bernilai adalah tidak jelas. Kebolehpercayaan nilai buku 1MDB menjunam ke dalam keraguan minggu lalu berikutan kerajaan AS bertindak membekukan lebih AS\$1 bilion (RM4.03 bilion) aset didakwa diambil daripada 1MDB dengan juruaudit, Deloitte berkata akaun 2013 dan 2014 tidak lagi boleh dipercayai," menurut The Australian.

The Australian turut melaporkan, Ketua Perbendaharaan Australia, Joe Hockey membenarkan CCCC membeli John Holland daripada Leighton Holdings dengan harga AUD\$853 juta (RM2.612 bilion) pada April lalu walaupun Bank Dunia mengharamkan syarikat gergasi Cina itu meneruskan projek sehingga tahun depan berikutnya amalan penipuan.

"Pada masa itu, Hockey berkata pengaturan yang sewajarnya diambil bagi mengurangkan sebarang keraguan berhubung isu ini dan beliau berpuas hati bahawa pelaburan ini tidak bertentangan dengan kepentingan negara," menurut The Australian. - The Australian



Isnin, 1 Ogos 2016

## 2. Sindiket tipu projek didalangi 'Datuk Paduka' dipatahkan

KUALA TERENGGANU: Polis melumpuhkan sindiket penipuan projek naik taraf jalan raya dengan mengaitkan Istana Terengganu didalangi seorang lelaki menyamar sebagai 'Datuk Paduka'.

Sindiket itu ditumpaskan apabila lima suspek berusia 30 hingga 60 tahun termasuk dalang utamanya ditahan dalam beberapa siri serbuan di sekitar bandar ini sejak 23 hingga 28 Julai lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Superintendant Koh Ah Tiam, berkata kegiatan sindiket itu terbongkar apabila mereka menggunakan aplikasi WhatsApp sebagai medium menyebarkan tawaran projek kononnya bernilai RM442 juta berkenaan.

Katanya, sindiket turut meminta bayaran komitmen daripada syarikat kontraktor yang berminat berjumlah antara RM600,000 hingga RM1 juta.

"Siasatan awal polis mendapati projek disebarluaskan ini masih di peringkat cadangan oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

"Bagi meyakinkan syarikat kontraktor, dalang turut menunjukkan kad konon diperoleh daripada Istana Terengganu dan menyamar dengan membawa gelaran Datuk Paduka," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Ah Tiam berkata, kelima-lima suspek direman selamat empat hari untuk siasatan lanjut, namun sudah dibebaskan dengan jaminan polis.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420/511 Kanun Keseksaan kerana cuba menipu.

### 3. 3 GLC Malaysia bangunkan projek hartanah RM3.5b di Jakarta

TIGA syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Malaysia bekerjasama dengan syarikat Indonesia untuk bangunkan projek rumah mampu milik bernilai RM3.5 bilion di tapak seluas 500 hektar di Tangerang, di sini.

Sime Darby Bhd, I&P Group Sdn Bhd, S P Setia (Indonesia) Sdn Bhd dan PT Hanson International Tbk hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk membangunkan projek itu yang terletak kira-kira 80 kilometer dari bandar raya ini.

Majlis memeterai MOU itu disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC) di sini.

Majlis pemereraian itu berlangsung selepas perasmian Forum Ekonomi Islam Sedunia ke-12 (WIEF Ke-12) bermula hari ini hingga Khamis.

Najib kini dalam lawatan kerja tiga hari ke Indonesia sempena Rundingan Tahunan ke-11 Malaysia-Indonesia dan menghadiri WIEF.

PT Hanson adalah antara syarikat hartanah terbesar di Indonesia berdasarkan luas kawasan pembangunan dan memiliki lebih dari 3,500 hektar simpanan tanah di Jakarta.

Sime Darby, antara konglomerat terbesar Malaysia terbabit dalam beberapa sektor termasuk perladangan, peralatan industri, automotif dan logistik serta sudah terbabit dalam pembangunan hartanah sejak lebih 40 tahun.

Mengikut MoU itu, tiga GLC Malaysia masing-masing akan memegang 20 peratus kepentingan manakala baki 40 peratus oleh PT Hanson.

Semua syarikat berkenaan menjangka MoU itu akan diterjemahkan dengan perjanjian rasmi dalam tempoh tiga bulan lagi.

#### 4. Kementerian Kesihatan pastikan tiada vaksin tiruan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan akan melaksanakan pemeriksaan semasa ke semasa bagi memastikan tiada produk vaksin tiruan berada di pasaran negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan setakat ini, tiada syarikat yang dikesan memalsukan produk vaksin mereka.

"Kementerian juga mengingatkan hospital atau klinik swasta untuk membeli stok bekalan vaksin daripada pembekal berlesen saja dan tidak terpedaya dengan mana-mana pihak yang menawarkan vaksin dengan harga lebih murah daripada harga pembekal berlesen," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Kenyataan itu sebagai mengulas mengenai laporan berkenaan pihak agensi regulatori Indonesia, Badan Pengawas Obat dan Makanan (BADANPOM) pada 20 Julai lalu yang mengeluarkan kenyataan mengenai penemuan vaksin tiruan di Indonesia.

Susulan itu, kerajaan Indonesia mengambil langkah untuk menghentikan pengedaran vaksin tiruan terbabit.

Beliau berkata, kementerian memberi amaran bahawa memiliki, menjual atau membekal vaksin tidak berdaftar dan vaksin tiruan adalah kesalahan mengikut Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Jika disabitkan kesalahan individu boleh dikenakan denda sehingga RM25,000 atau penjara sehingga tiga tahun untuk kesalahan pertama atau denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga lima tahun untuk kesalahan kedua dan berikutnya.

Jika kesalahan itu dilakukan oleh syarikat dan jika disabitkan kesalahan syarikat boleh didenda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama atau denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan kedua dan berikutnya.

Dr Noor Hisham berkata, orang awam juga dinasihatkan untuk berkomunikasi dengan pengamal perubatan mengenai vaksin yang diberikan dan kesan sampingan yang mungkin timbul serta tindakan yang harus dilakukan apabila kesan sampingan yang tidak diingini berlaku selepas mendapatkan vaksin tertentu.

Orang awam boleh menghubungi Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di talian 03-78835400 jika ada vaksin yang meragukan.

## 5. 4,000 hadiri WIEF ke-12, terbesar dalam sejarah - Musa

JAKARTA: Platform Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) seperti 'permata' yang mengangkat jenama Malaysia di arena antarabangsa dalam menjuarai pembangunan usahawan mikro, kecil dan sederhana, kata Tun Musa Hitam.

Malah, menurut Pengurus Yayasan WIEF itu, kejayaan penganjurannya yang memasuki tahun ke-12 di Indonesia dengan kehadiran lebih 4,000 peserta, tertinggi dalam sejarah, sudah tentu akan diterjemahkan dengan manfaat yang jauh lebih besar kepada Malaysia.

Katanya, melihat kepada memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai di sini, syarikat Malaysia meraih manfaat besar.

"...dan dalam konteks Indonesia sebagai tuan rumah juga, ia mencapai matlamat mereka," katanya pada hari terakhir WIEF ke-12 di sini hari ini. Hadir sama, Ketua Setiausaha Yayasan WIEF, Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Bagaimanapun, bagi Musa yang menjadi tonggak WIEF sejak kali pertama penganjuran di Malaysia pada 2005 dengan 400 peserta, forum itu bukan mengenai kontrak berbilion-bilion, MoU atau kalangan tokoh terkemuka dunia perniagaan yang hadir.

"Kami juga tidak mendapat liputan dan berita utama di media. Itu bukan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) kami. WIEF adalah mengenai aspek insan dalam melaksanakan perniagaan," katanya sambil menambah WIEF juga tiada hasrat menjelaskan landasan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland.

Musa berkata, WIEF berperanan mempertemukan usahawan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (MSEM) serta pembiaya dalam satu platform untuk melaksanakan perniagaan.

Antara kontrak terbesar dimeterai syarikat Malaysia dalam WIEF kali ini adalah antara tiga syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Malaysia dengan sebuah firma Indonesia bagi pembinaan 40,000 unit rumah mampu milik bernilai RM3.5 bilion di Tangerang, Jakarta.

Musa juga berkata, WIEF akan mengumumkan venue alternatif bagi penganjuran forum itu pada tahun depan berikutan Korea terpaksa menangguhkannya atas faktor tidak dapat dielakkan.

WIEF bermula sebagai Forum Perniagaan OIC pada 2003 sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Putrajaya, Malaysia. Idea penubuhan WIEF tercetus pada Forum Perniagaan OIC kedua pada 2004 dan penubuhan Yayasan WIEF disempurnakan setahun kemudian.

Hingga kini forum tahunan itu sudah diadakan di Malaysia, Pakistan, Kuwait, Indonesia, Kazakhstan, London dan Dubai. Ini adalah kali kedua Indonesia menganjurkan forum itu yang kali ini bertemakan, 'Menyebarluaskan Pertumbuhan, Memperkasa Perniagaan Masa Depan'.



Ahad, 7 Ogos 2016

#### 6. Kemuka bukti status tanah Paya Indah Wetlands kepada SPRM



*PENYELARAS Solidariti Anak-anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin (kanan) menunjukkan salinan peta di sidang akhbar pendedahan dokumen rasmi bukti penipuan Kerajaan Negeri Selangor isu petukaran status tanah Paya Wetland dan Mukim Dua Belas, Kuala Langat. - Foto Mohd Yusni Ariffin*

SHAH ALAM: Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin diminta membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu penukaran status tanah di Paya Indah Wetlands, Kuala Langat.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Noh Omar, berkata Badrul Hisham yang turut dikenali sebagai Chegubard, tidak perlu takut untuk membuat laporan jika mempunyai bukti kukuh berlakunya salah laku dalam isu berkenaan.

Katanya, ia termasuk dakwaan bahawa Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bertanggungjawab meluluskan penukaran status tanah pertanian kepada kawasan pembangunan.

"Saya bersetuju dengan cadangan Menteri Besar Selangor yang mencabar pihak mempunyai maklumat mengenai perkara ini untuk membuat laporan kepada SPRM, malah kerajaan negeri juga dilaporkan bersedia memberi kerjasama dalam siasatan.

"Jadi, kita minta SAMM tampil melaporkan kepada SPRM dan kemuka segala bukti yang ada," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Tahunan Pemuda UMNO Bahagian Shah Alam di sini, hari ini.

Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut kesal dengan sikap Mohamed Azmin yang mendiamkan diri berhubung isu itu.

"Sikap berdiam diri Menteri Besar Selangor menimbulkan pelbagai persoalan. Ia berbeza dengan empat Menteri Besar Selangor sebelum ini yang tidak bersetuju untuk tukar status tanah ini demi menjaga ekosistem alam semula jadi," katanya.

Baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Shahrum Mohd Shariff mempersoalkan tindakan Mohamed Azmin yang didakwa menukar status tanah Paya Wetlands daripada pertanian kepada pembangunan.

Dakwanya, carian di Pejabat Tanah Kuala Langat sebelum ini mendapati tanah Lot 68054 seluas 619 hektar di Mukim Tanjong Dua Belas, Kuala Langat ini ditukar statusnya daripada kawasan hijau kepada pembangunan pada 2015.



Isnin, 8 Ogos 2016

## 7. KWSP akan tambah RM30b setahun untuk Simpanan Syariah

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan memperuntukkan tambahan antara RM20 bilion hingga RM30 bilion setahun bagi Simpanan Syariah jika ia mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Simpanan Syariah akan dilancarkan pada Januari tahun depan, dan pendaftaran untuk skim itu mula dibuka di seluruh cawangan KWSP seluruh negara, hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata setakat ini pelancaran simpanan itu mendapat sambutan menggalakkan.

"Tambahan dana antara RM20 bilion hingga RM30 bilion itu akan dilakukan bermula pada tahun 2018 bergantung kepada prestasi aset kami," katanya dalam sidang media pada pendaftaran hari pertama Simpanan Syariah di sini, pagi ini.

Pendaftaran dibuka pada jam 7.45 pagi ini dan dalam tempoh 30 minit, seramai 5,000 pencarum di seluruh negara sudah menukar simpanan KWSP konvensional mereka kepada Simpanan Syariah.

Untuk melayakkan penyertaan kepada Simpanan Syariah 2017, ahli perlu mengemukakan permohonan mereka sebelum 23 Disember 2016 dan tertakluk kepada ketersediaan dana RM100 bilion.



Isnin, 8 Ogos 2016

#### **8. Tidak perlu siasat semula 1MDB - Pengerusi PAC**

KUALA LUMPUR: Prosiding dan siasatan terhadap syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak perlu diadakan semula memandangkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sudah membentangkan laporan yang komprehensif di Parlimen.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin berkata, laporan itu juga dipersetujui secara konsensus semua ahli jawatankuasa itu sebelum dibentangkan ke Parlimen.

Malah, katanya perkara yang dibentangkan PAC dalam Laporan Pengurusan Kawalan Urus Tadbir Syarikat 1MDB turut dilapor dan di ambil media massa serta portal berita dalam dan luar negara.

"Rumusan PAC dalam laporan berkenaan jelas meminta agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab mengambil tindakan tegas terhadap pengurusan 1MDB yang bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Sebelum ini, Ahli PAC yang juga Ahli Parlimen DAP, Tony Pua meminta supaya siasatan semula dilakukan ke atas 1MDB berikutan saman sivil oleh Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat terhadap kes membabitkan syarikat pelaburan itu.

## 9. Perkukuh pembangunan bakat kewangan Islam

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) akan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu untuk melaksanakan kajian semula bagi memperkasa landskap pembangunan tenaga mahir kewangan Islam di negara ini.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Muhammad Ibrahim, berkata jawatankuasa yang dianggotai wakil industri dan ahli akademik akan membuat kajian mendalam berhubung kedudukan strategik organisasi terbabit.

Beliau berkata, adalah penting untuk mewujudkan asas dan menetapkan paras ambang pencapaian baharu bagi organisasi berkenaan untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.

"Walaupun banyak yang telah kita capai, kita perlu mengakui bahawa tiada ruang untuk kita berasa selesa dan berpuas hati.

"Dalam konteks ini, Bank Negara akan membentuk Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai wakil industri dan ahli akademik untuk menjalankan kajian mendalam kedudukan strategik organisasi penting ini," katanya pada pelancaran Manual Tenaga Pengajar (MTP): Murabahah di sini, hari ini.

Beberapa tahun lalu, BNM menubuhkan institusi khusus untuk memantapkan ekosistem bakat kewangan Islam di negara ini. Ia termasuk Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Institut Profesional Kewangan Islam Bertauliah (CIIF) serta Persatuan Penasihat Syariah Kewangan Islam (ASAS).

Sementara itu, Muhammad yang sudah menerajui kepimpinan tertinggi Bank Negara lebih 100 hari lalu berkata, industri kewangan Islam di negara ini juga mencatat pelbagai kejayaan besar dalam tempoh tiga dekad.

Dengan hanya kurang daripada empat bank Islam dan peserta takaful sebelum 2000, katanya, industri itu kini mempunyai 27 peserta yang menawarkan lebih 100 produk kewangan yang melangkaui penawaran kewangan asas.



Isnin, 15 Ogos 2016

### **10. Untung suku kedua Petronas Dagangan susut kepada RM249.01j**

KUALA LUMPUR: Untung sebelum cukai Petronas Dagangan Bhd pada suku kedua berakhir 30 Jun 2016 jatuh kepada RM249.01 juta berbanding RM376.10 juta dicatat dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, syarikat itu berkata, pendapatan susut kepada RM5.33 bilion berbanding RM6.47 bilion sebelum ini berikutan penurunan 20 peratus dalam harga jualan purata walaupun kenaikan tiga peratus dalam jualan.

"Kemerosotan dalam harga jualan purata disebabkan kejatuhan harga penilaian harga produk minyak Singapura," katanya.

Pendapatan asas sesaham jatuh kepada 21.60 sen berbanding 27.50 sen.

Petronas Dagangan berpendapat yang prospek persekitaran ekonomi dan perniagaan untuk tahun kewangan 2016 akan kekal mencabar.

"Kumpulan akan terus memberi tumpuan ke atas kecekapan pengurusan inventori, bekalan dan pengedaran, di samping mengoptimumkan perbelanjaan operasi bagi memastikan syarikat kekal berdaya tahan ketika menghadapi persekitaran mencabar," katanya. - BERNAMA



Khamis, 25 Ogos 2016

### **11. MRT Corp beri kontrak RM1.01b kepada CCCC-George Kent**

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memberi pakej kerja pemasangan trek, kenderaan penyelenggaraan dan kereta api kerja bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) bernilai RM1.01 bilion kepada syarikat usaha sama China Communications Construction Company Ltd (CCCC) dan George Kent.

MRT Corp dalam satu kenyataan semalam berkata, Pakej SSP-SY-204, bagi kerja kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pengujian dan pentaulihan kerja pemasangan trek, kenderaan penyelenggaraan dan kereta api kerja itu, dianugerahkan selepas selesai mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC), yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

CCCC memegang 51 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama itu, manakala baki 49 peratus lagi milik George Kent.

Memperincikan perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata pakej itu adalah sebahagian pakej kerja utama bagi pembinaan Laluan SSP.

Katanya, pemenang tender dipilih berdasarkan penilaian tender terbaik, yang mana bermakna penender yang berjaya tidak semestinya menawarkan harga yang paling rendah.

"Namun begitu, bagi pakej kerja ini, saya berbesar hati mengumumkan penender berjaya adalah yang menawarkan harga yang paling rendah," jelas beliau.

Shahril berkata, CCCC adalah syarikat yang memiliki pengetahuan teknikal dalam pengendalian projek infrastruktur, termasuk pembinaan kereta api, manakala George Kent syarikat tempatan yang berpengalaman dalam industri kereta api di negara ini.

"Berdasarkan proses penilaian tender, syarikat usaha sama ini adalah antara tujuh penender, yang memperoleh keputusan baik bagi bahagian penilaian teknikal," katanya.

Dengan penganugerahan itu, MRT Corp sudah menganugerahkan 22 pakej kerja bagi pembinaan Laluan SSP terdiri daripada lapan pakej kerja awalan, empat pakej kerja jejambar, satu pakej kerja bawah tanah, enam pakej kerja sistem, dua pakej pembekal yang ditetapkan, dan satu pakej kerja depoh.

Antara kriteria penilaian teknikal adalah pematuhan kepada spesifikasi MRT Corp, cadangan kaedah kerja, tahap prestasi, rekod pencapaian, program kerja dan pematuhan kepada tarikh utama, pelan pelaksanaan projek, pelan penyelenggaraan, kualiti dan jaminan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar tapak kerja.



Khamis, 25 Ogos 2016

## 12. KPWKM bantu hadapi cabaran dunia kerjaya

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melaksanakan program psikologi dan pendidikan bagi membantu wanita berkerjaya untuk memastikan mereka bersiap sedia menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia kerjaya.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata program itu bertujuan membantu mereka yang berkerjaya mengimbangi tanggungjawab bekerja dengan keluarga.

Beliau berkata, pada masa sama, pihaknya mahu meningkatkan kemahiran wanita dalam menguruskan keluarga dan rumah tangga, selain mendidik anak secara lebih kreatif.

"Menyedari cabaran yang dihadapi pasangan suami isteri berkerjaya dan kekangan masa, KPWKM menyediakan kursus keibubapaan, program [Keluarga@Kerja](#) atau [Parenting@Work](#) yang diperkenalkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), sejak 2007.

### **Bantu imbangi tekanan**

"Program kesejahteraan emosi pula bertujuan memberi pendedahan kaunseling keluarga secara humanistik menerusi psikologi dan pengurusan emosi berkesan dalam membantu wanita mengimbangi tekanan," katanya kepada BH dalam temu bual baru-baru ini sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016, yang disambut hari ini.

Bertemakan 'Sepadu Usaha - Tiada Wanita Ketinggalan' yang dipilih sebagai tema, sambutan Hari Wanita Kebangsaan yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga dijadualkan menyampaikan sijil penghargaan kepada 70 syarikat yang mencapai agenda 30 peratus pada majlis yang bermula pada jam 2 petang itu.

Tema dipilih memberi mesej jelas bagi memastikan setiap wanita mencapai potensi yang paling optimum, bertepatan dengan komitmen Malaysia untuk terus memperkasa wanita ke arah kesaksamaan gender.

### **Kerja mesra wanita**

Rohani berkata, program [Keluarga@Kerja](#) adalah antara usaha kementerian dalam mewujudkan persekitaran kerja mesra wanita bagi membolehkan golongan terbabit terus kekal sebagai tenaga kerja.

"Kita menyedari kurangnya sistem sokongan yang menjadi halangan utama kepada wanita untuk terus kekal dalam tenaga kerja terutama selepas melahirkan anak," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kementerian akan terus menggalakkan majikan menyediakan pusat jagaan dan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) yang disifatkan sebagai sistem sokongan penting dalam memastikan wanita yang mempunyai anak kekal dalam pasaran pekerjaan.

Beliau berkata, pihaknya juga melihat keperluan mewujudkan TASKA di semua sekolah di negara ini bagi dimanfaatkan bukan sahaja kepada guru tetapi juga wanita berkerjaya lain yang berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan pengasuh atau pembantu rumah.

"Perkara ini akan dibincangkan bersama Kementerian Pendidikan secepat mungkin supaya setiap sekolah mempunyai kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa bekerja bagi menyelesaikan masalah dihadapi mereka.

"Mungkin tidak semestinya dalam kawasan sekolah tetapi berhampiran atau di sekitar kejiranan terdekat supaya ibu bapa yang bekerja ini tidak perlu bimbang dengan anak mereka jika dalam keadaan tertentu tidak dapat mengambil anak pulang dari sekolah," katanya.

#### **Capai potensi optimum**

Sementara itu, Rohani mengalui-alukan kehadiran orang ramai pada sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 yang akan diadakan di PICC, hari ini.

Tema 'Sepadu Usaha -Tiada Wanita Ketinggalan dipilih bagi memberi mesej jelas dalam memastikan semua wanita mencapai potensi paling optimum selaras dengan komitmen negara untuk memperkasakan golongan berkenaan.



Jumaat, 26 Ogos 2016

#### **13.12 direman kes dana bank, kontrak syarikat minyak**



*PEGAWAI Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa sebahagian daripada suspek yang ditahan berkaitan kes rasuah membabitkan pegawai dan kakitangan sebuah institusi perbankan milik kerajaan dan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk memohon perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini. - Foto Fariz Iswadi Ismail*

**PUTRAJAYA:** Seramai 12 individu direman hari ini bagi membantu siasatan dua kes berasingan membabitkan penyelewengan dan salah guna kuasa.

Semua perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman di Mahkamah Majistret di sini, pagi ini.

Bagi kes pertama, empat lelaki termasuk pengarah urusan sebuah bank tempatan direman tiga hari bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa dan penyelewengan dana bernilai RM15 juta.

Lelaki bergelar Datuk berusia 48 tahun itu ditahan di pejabatnya kira-kira jam 2 petang semalam, untuk membantu siasatan berhubung tender penukaran sistem bank dan penerbitan biografi berkaitan seorang pemimpin negara.


Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut merampas enam jam tangan mewah bernilai RM20,000 setiap satu dan wang tunai RM30,000.

Tiga yang lain iaitu bekas pegawai bank berkenaan, pengarah dan kakitangan syarikat penerbitan buku turut ditahan semalam.

Bagi kes kedua, lima lelaki dan tiga wanita direman lima hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kontrak sebuah syarikat cari gali minyak bernilai RM76 juta.

Mereka membabitkan pengurus dan pengurus projek syarikat berkenaan serta enam kontraktor yang disiasat bagi kes projek saluran paip di selatan tanah air

## 14. Transformasi pendidikan tinggi



*IDRIS menunjukkan buku Tabung Endowmen dan Tabung Wakaf universiti untuk menjana pendapatan ketika temuramah khas di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya. - Foto Fariz Iswadi Ismail*

DALAM siri kedua temu bual bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh mengupas isu pendidikan fleksibel, termasuk membudayakan teknologi bagi meningkatkan mutu pendidikan; kredibiliti dan pengkomersialan penyelidikan yang dijalankan universiti. Di samping itu, beliau turut membincangkan isu lambakan IPT dan bagaimana negara dapat memanfaatkan kehadiran pelajar asing bagi menyumbang kepada pembangunan negara. Sebagai menteri yang memantau lebih 160,000 pensyarah dan kakitangan sokongan, beliau turut berkongsi bagaimana beliau kekal fokus dalam pelbagai perancangan dan pada masa sama meluangkan masa bersama keluarga.

**S:** Dalam pertemuan Datuk Seri dengan Naib Canselor baru-baru ini, apa perkara yang dibincangkan?

J: Secara asasnya, kami berbincang bagaimana untuk memperbaiki lagi kualiti pendidikan tinggi berdasarkan pelan tindakan yang ada, dan cara untuk menonjolkan penjenamaan. Kadangkala, kita ada kelebihan yang orang ramai tidak tahu, contohnya Kuala Lumpur adalah bandar yang paling mampu didiami oleh pelajar. Selain itu, berdasarkan tinjauan British Council, Malaysia mempunyai sistem pengantarabangsaan untuk pelajar yang terbaik. Kita dibandingkan dengan Jerman dan mengatasi Amerika Syarikat (AS) serta Australia. Jadi, kita boleh berbincang pada aras yang sama dengan negara lain seperti United Kingdom. Ada mengatakan orang Malaysia tidak dapat berbahasa Inggeris dengan baik walaupun kita berada di tangga ke-14 dunia. Bagi negara bukan Eropah, kita berada di

kedudukan kedua. Masalah orang Malaysia ini adalah kita suka 'tembak kaki kita sendiri'. Kita tidak mahu mengatakan kita OK.

Selain itu, dalam pertemuan itu juga, kita minta Naib Canselor melihat bagaimana kita boleh menerima pakai teknologi. Kita melihat bagaimana untuk menjadikan pendidikan lebih fleksibel. Kita boleh mengikuti pengajian secara atas talian dan saya harap universiti kita akan lebih banyak menawarkan kursus secara atas talian. Kita juga akan memperkenalkan tahun jarak (gap year) dan mula memberi kredit kepada kegiatan kesukarelawan. Sekarang sudah ada universiti yang mana pada semester pertama, pelajar boleh mengikuti pengajian secara atas talian di AS, semester kedua di London dan ketiga di Istanbul. Kita juga membincangkan mengenai sumber manusia di universiti dan ahli akademik kita.

**S: Apakah harapan dan aspirasi Datuk Seri dalam pendidikan tinggi ini?**

J: Sistem pendidikan kita sudah berubah, bukan lagi kaku seperti dulu, hanya perlu ke kelas untuk belajar. Mengapa perlu pergi ke kuliah jika kita boleh mengikuti pengajian secara atas talian? Ilmu juga boleh diperoleh di mana-mana, bukan hanya dalam buku. Konsep pendidikan kita perlu berubah, kalau tidak kita akan menjadi tidak relevan. Saya bukan bermaksud kita tidak perlukan bangunan yang besar (untuk belajar) tapi kita perlu lebih fleksibel seperti pembelajaran melalui realiti maya dan aplikasi permainan. Penilaian juga boleh dilakukan secara berterusan, bukan hanya di penghujung semester.

**S: Sebelum ini timbul isu mengenai kredibiliti penyelidikan dalam kalangan ahli akademik. Bagaimana isu ini ditangani oleh kementerian?**

J: Kredibiliti sangat penting. Apabila saya bertemu Naib Canselor, saya memberitahu mereka bahawa kita mesti mengekalkan integriti akademik, tidak boleh berkompromi. Jangan benarkan 'cut and paste' sekali-kali berlaku dalam universiti kita sebab universiti adalah tempat belajar untuk menjadi orang yang holistik dan berintegriti. Jika ada bukti ia berlaku, ambil tindakan segera dan jangan tunggu.

**S: Ada pihak mendakwa penyelidikan di universiti awam (UA) syok sendiri dan hanya berakhir di situ saja. Apakah yang dilakukan kementerian untuk memperbaiki perkara ini?**

J: Universiti awam (UA) bertanggungjawab dalam hal itu melalui kuasa autonomi yang diberikan. Ketika ini, sudah ada 17 UA yang mempunyai kuasa autonomi. Jadi, cara kita melihat universiti ini berbeza-beza. Memang tesis diterbitkan, tetapi persoalannya adakah ia dipetik? Kita mahu pastikan petikan (citation) itu ada di mana-mana dan universiti perlu mencari jalan untuk menzahirkan perkara ini.

Selain itu, penyelidikan yang dijalankan mestilah yang diperlukan negara, contohnya dalam konteks pekerja asing selepas 2020. Orang hanya melihat penyelidikan untuk dikomersialkan sedangkan

sebenarnya tidak begitu. Kita ada penyelidikan asas yang mengambil masa antara lima hingga enam tahun, dan mungkin mengambil masa sehingga 10 tahun untuk dikomersialkan.

Penyelidikan ini menggambarkan kekuatan sains dan teknologi sesebuah negara. Kita mahu capai tiga peratus peruntukan bajet bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) iaitu purata peringkat antarabangsa, berbanding satu peratus ketika ini, yang mana masih belum cukup untuk membina kekuatan penyelidikan negara kita.

**S: Adakah negara mempunyai terlalu banyak universiti awam dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) berbanding pelajar yang ada?**

J: Jumlahnya cukup buat masa ini dan sebab itu kita ada moratorium terhadap permohonan lesen IPTS baharu. Kita sudah mempunyai 20 UA dan itu sudah cukup. Kita ada 500 kolej swasta tapi hanya kira-kira 100 saja yang berada dalam kalangan terbaik. Selain itu, kita dibantu oleh 34 Politeknik dan 93 Kolej Komuniti. Kita mengutamakan kualiti berbanding kuantiti.

**S: Adakah kementerian tidak akan meluluskan universiti atau kolej baharu?**

J: Ia bergantung kepada keadaan, seperti baru-baru ini kita memberi lesen kepada ASEAN Business School kerana wujud keperluan. Secara prinsipnya tidak boleh, tetapi jika ada keperluan, kita akan bawa kepada Kabinet.

**S: Adakah Datuk Seri melihat perlu wujud penyatuan seperti antara kolej yang cemerlang dengan yang lemah?**

J: Kita galakkan begitu, tetapi sukar sebenarnya kerana kita sudah memberi lesen kepada usahawan ini. Ia terpulang kepada mereka sebab ini adalah perniagaan dan jika mereka rasa boleh 'hidup', mereka boleh teruskan. Sesetengah kolej ini kecil, tetapi mereka bagus dalam bidang 'niche'. IPTS ini seperti perniagaan, namun kita minta mereka memberi penekanan kepada kualiti pendidikan, bukan hanya perniagaan.

**15. Bayaran pinjaman rumah ikut kenaikan gaji**

*PRESIDEN Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Seri FD Iskandar.*

Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) menyarankan kerajaan menimbang semula dan menambahbaik skim pembiayaan sedia ada bagi memastikan pembeli berkelayakan memperoleh pinjaman dan mampu membayar balik.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar, berkata antara jenis pembiayaan yang disarankan REHDA ialah peningkatan bayaran bulanan hartaanah berkadar dengan tahun pembelian yang mana pada awal tahun pembelian, bayaran balik tidak terlalu tinggi dengan bergantung kepada gaji.

Katanya, bayaran balik itu seterusnya ditingkatkan pada tahun-tahun berikutnya selaras dengan keupayaan pembeli selepas beberapa tahun bekerja.

**Cadangan diterima**

Beliau berkata, jumlah pembayaran dan peningkatan bayaran balik pinjaman bergantung kepada harga rumah.

"Sebagai contoh, bagi tiga tahun pertama RM800, tahun ketiga hingga keenam RM1,100, tahun ketujuh hingga kesembilan RM1,500 dan seterusnya," katanya dalam soal jawab menerusi emel.

REHDA sebelum ini mencadangkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) bagi membantu pembeli rumah pertama dan cadangan diterima serta dilaksanakan oleh kerajaan, baru-baru ini.

FD Iskandar berkata, antara isu utama yang sedang dibincangkan REHDA dengan kerajaan termasuk pembiayaan harta tanah oleh institusi kewangan serta pengurangan atau pengawalan kos perniagaan yang berterusan meningkat dan memberi impak kepada harga harta tanah.

"Contohnya, pelupusan bayaran sumbangan modal dan pemansuhan duti setem bagi pindah milik harta tanah selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)," katanya.

Mengenai permintaan rumah yang kini mendatar tetapi harganya tidak menyaksikan penurunan ketara, FD Iskandar berkata, secara realistiknya, adalah agak mustahil untuk harga harta tanah turun berikutan kos pembinaan yang semakin meningkat.

Katanya, harga rumah yang kini dikatakan terlalu mahal adalah disebabkan pembangunannya membabitkan banyak kos yang secara langsung mempengaruhi harga jualan.

Justeru, beliau berkata, peranan dan usaha kerajaan mengawal harga kos daripada terus meningkat lebih tinggi boleh membantu mengawal kadar kenaikan harga harta tanah pada kadar konsisten serta tidak terlalu drastik.

"Antara faktor menyumbang peningkatan kos pembinaan termasuk kos pekerja, harga tanah, premium permohonan tukar syarat tanah, pematuhan perancangan untuk pembinaan fasiliti, kos utiliti dan infrastruktur, sumbangan modal, subsidi yang tinggi bagi kuota Bumiputera dan rumah kos rendah, subsidi silang serta kos pegangan yang tinggi," katanya.

Mengulas dakwaan pemaju hanya berminat membangunkan perumahan rumah mewah bagi mengaut untung berbanding mampu milik, FD Iskandar berkata, ia tidak benar kerana pemaju perlu membina perumahan untuk pasaran umum dan mewah bagi menampung kos subsidi silang rumah kos rendah yang tinggi.

Katanya, pembinaan perumahan adalah industri yang dikawal selia kerajaan dengan ketat yang mana antara syarat pembangunan ialah pemaju perlu memenuhi peratusan kuota pembinaan tertentu untuk kawasan pembangunan dan ia adalah berbeza bagi setiap kerajaan negeri.

"Kos subsidi silang bagi rumah kos rendah boleh mencecah sehingga RM150,000 bagi setiap unit dengan kemudahan dua tempat letak kereta, selain rumah kos rendah adalah di bawah harga kawalan, sedangkan kos pembinaan adalah jauh lebih tinggi daripada harga jualan," katanya.

## Info

### Skim MyDeposit

- Kerajaan menyumbang 10 peratus daripada harga rumah atau maksimum RM30,000 kepada kumpulan berpendapatan sederhana (M40)
- Ia terbuka kepada pendapatan isi rumah bawah RM10,000 untuk membeli rumah pertama berharga kurang RM500,000

- Skim MyDeposit dibuka mulai 7 April lalu menerusi laman web Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan